

PERATURAN KEBUDAYAAN NYANYIAN

1. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN:

- 1.1 Setiap daerah dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja
- 1.2 Pertandingan ini berbentuk kumpulan DAN Solo yang dianggotai oleh: 2 orang penyanyi (1 lelaki, 1 perempuan) Lagu P.Ramlee. Solo khas untuk Lelaki.
- 1.3 Tema pertandingan ialah "NYANYIAN: tajuk Lagu lagu pilihan P, Ramlee" di mana pasukan diwajibkan mempersembahkan nyanyian berduet.
- 1.4 Setiap pasukan hendaklah menyediakan lagu dalam bentuk CD minus one dan memastikan CD tersebut boleh berfungsi dengan PA Sistem yang disediakan. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas CD yang tidak boleh berfungsi.
- 1.5 Persembahan hendaklah mempunyai tema atau mesej yang jelas.
- 1.6 Setiap pasukan dibenarkan menghantar 1 orang Pengurus Pasukan, 1 orang Jurulatih. Pengurus Pasukan dan Jurulatih bertindak sebagai Teknikal Pasukan.
- 1.7 Hakim akan dilantik oleh MSKPP daerah Johor Bahru (Tuan rumah)
- 1.8 Pertandingan ini terbuka kepada semua ahli MSKPP Negeri.

2. KATEGORI NYANYIAN:

- 2.1 Lagu dinyanyikan secara solo dan berduet
- 2.2 Pemilihan Lagu adalah lagu P, Ramlee

3. PENGHAKIMAN / PEMARKAHAN NYANYIAN

- 3.1 Penganjur / Pengelola akan menyediakan Pengadil-Pengadil terdiri daripada mereka yang mahir dan mempunyai pengalaman dalam bidang yang dipertandingkan.
- 3.2 Markah penuh berjumlah 100% akan diberi berpandukan kepada cirri-ciri berikut:-

| | | | |
|------|----------------------|---|------------------|
| a- | Mutu Suara | - | 45 markah |
| i- | Patah Lagu | - | 15% |
| ii- | Pernafasan | - | 15% |
| iii- | Sebutan | - | 15% |
| b- | Tempo | - | 25 markah |
| c- | Persembahan | - | 20 markah |
| i- | Tertib | - | 10% |
| ii- | Penghayatan | - | 10% |
| d- | Hiasan Diri | - | 10 markah |
| i- | Pakaian | - | 5% |
| ii- | Hiasan Diri/Aksesori | - | 5% |

- 3.2 Jika terdapat persamaan markah maka keutamaan akan diberi kepada peserta yang mendapat markah tertinggi mengikut susunan di bahagian mutu suara, tempo dan persembahan.

- 3.3. Keputusan pengadil adalah MUKTAMAD.
- 3.4. Pemenang Keseluruhan Nyanyian – Setiap kategori pemenang akan diberi mata iaitu Johan 7 mata, Naib Johan 5 mata, Ketiga 3 mata, Keempat 2 mata dan Kelima 1 mata. Pasukan yang mengumpul mata terbanyak akan diistihar sebagai Johan Pemenang Keseluruhan Nyanyian. Jika ada persamaan mata, Pasukan yang mendapat Johan diberi keutamaan dan jika masih sama, Naib Johan, Ketiga, Keempat, Kelima dan jika masih sama, kiraan pemenang mengikut kategori akan diambil kira iaitu Lelaki dan Wanita dan jika masih sama, pemenang bersama akan diistiharkan.

4. PAKAIAN:

Pakaian peserta-peserta adalah bebas tetapi hendaklah sopan dan sesuai. Pakaian ‘jeans’, t/shirt, selipar dan sandal tidak dibenarkan.

5. MASA

- 5.1 Masa persembahan tidak kurang daripada 8 minit dan tidak melebihi 10 minit mengikut lagu .
- 5.2 Masa persembahan dikira apabila permulaan muzik dan berakhir apabila semua peserta membuat persembahan terakhir.
- 5.3 5 markah akan dipotong sekiranya ketetapan masa yang diberi terlebih atau terkurang.

6. PENTAKSIRAN PERATURAN PERTANDINGAN

Jawatankuasa pengelola berhak membuat taksiran. Segala perkara yang tidak disiarkan didalam undang- undang dan peraturan pertandingan ini dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.